

MAHATHIR-UMNO 2'2'2'
1979

SHAH ALAM, 16 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HAI INI MENGINGATKAN AHLI-AHLI UMNO TENTANG BAHAYA MENGGUNAKAN KUASA UNTUK KEUNTUNGAN DIRI SENDIRI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BANYAK KERAJAAN ASING JATUH KERANA MENGGUNAKAN KUASA UNTUK MEMPERKAYAKAN DIRI HINGGA MEMBOSANKAN RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENJADI TIMBALAN PRESIDEN UMNO, BERKATA PENGLIBATAN SESEORANG ITU DALAM PERJUANGAN PARTI TIDAK SEHARUSNYA DIDORONG OLEH HARAPAN MENDAPATKAN SESUATU.

KUALA TIDAK SEHARUSNYA DIANGGAP SEBAGAI MATLAMAT TERAKHIR DAN PATUT DIGUNAKAN UNTUK KEBAIKAN SEMUA, TAMBAHNYA KETIKA MERASMIKAN KURSUS EKONOMI DAN PELAJARAN DI SINI, ANJURAN PERGERAKAN WANITA UMNO.

KATANYA KUASA ANTARA LAIN HARUS DIGUNAKAN BAGI MENGADAKAN DASAR YANG ADIL DAN MENYEDIAKAN LEBIH PELUANG DI BIDANG PERNIAGAAN.

—BERSAMBUNG 1314/BY

B519

MAHATHIR-UMNO 2 SHAH ALAM

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN PENTINGNYA PENGETAHUAN PENGURUSAN DALAM PERNIAGAAN, DAN MENAMBAH: +TANPANYA WALAUPUN LDENGAN MODAL YANG BESAR KITA TIDAK MUNGKIN MENCAPAI KEJAYAAN+.

KATANYA BERJUT-JUTA DINGGIT YANG TELAH DIPINJAMKAN OLEH KERAJAAN KEPADA ORANG-ORANG MELAYU TELAH HILANG KERANA MEREKA TIDAK CEKAP MENJALANKAN PERNIAGAAN.

BELIAU BERKATA ORANG-ORANG MELAYU MEMPUYAI TANGGUNGJAWAB UNTUK MELENGKAPKAN DIRI DENGAN PENGATAHUAN PENGURUSAN.

KERAJAAN, KATANYA, TERUS PERSEDIA MEMBERI LATIHAN KEPADA ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA DAPAT BERSAING DENGAN KAUM-KAUM YANG LAIN.

—BERNAMA 1316/BY